

17 JUN 1999

Umno-Khalil

JENTERA UMNO SIAP HADAPI PILIHAN RAYA

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Jentera pilihan raya UMNO di seluruh negara kini dalam keadaan bersiap sedia untuk digerakkan sepenuhnya sebaik sahaja Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan untuk mengadakan pilihan raya umum.

Setiausaha Agung UMNO Tan Sri Khalil Yaakob berkata jentera parti di peringkat negeri dan bahagian telah bersiap sedia daripada segi logistik dan tenaga kerja bagi menghadapi pilihan raya.

Bercakap kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Setiausaha Badan Perhubungan UMNO negeri-negeri di sini hari ini, beliau berkata bagi memantapkan lagi persediaan itu, sistem maklumat balas dua hala antara ibu pejabat parti dan negeri telah dipertingkatkan.

"Sistem ini memang telah lama wujud tetapi memandangkan pilihan raya kian hampir, sistem ini dipertingkatkan dengan merangkumi beberapa perkara seperti hala tuju pengundi di setiap cawangan dan bahagian," katanya.

Ditanya mengenai persediaan yang dibuat, Khalil berkata semua cawangan dan bahagian kini telah bersiap sedia dengan poster serta senarai penceramah dalam bidang agama, politik dan ekonomi.

Katanya semua bahagian serta cawangan juga telah bersiap sedia dengan isu untuk ceramah pilihan raya termasuk isu nasional dan setempat.

Khalil berkata sungguhpun jentera pilihan raya UMNO telah bersedia bagi menghadapi pilihan raya, namun ianya setiasa dimantapkan dari semasa ke semasa dan proses pemantapan itu akan sampai kemuncaknya dalam tempoh dua minggu lagi.

Mengenai pertemuan hari ini, beliau berkata semua setiausaha perhubungan negeri telah mengemukakan pendapat masing-masing tentang strategi menghadapi pilihan raya serta cara memantapkan operasi bilik gerakan pilihan raya di semua peringkat.

Semua pendapat serta maklum balas itu akan dikumpul dan dibincangkan pada mesyuarat parti sebagai persediaan menghadapi pilihan raya, katanya.

-- BERNAMA

AKT MAI